

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 10 OKTOBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 1

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1523-MQT2352
Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil lawatan ke luar negara termasuk hasil pelaburan, kerjasama antara negara dan tahap keyakinan pelaburan asing terhadap Malaysia.
2. PR-1523-MQT2350
Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan langkah Kerajaan dalam menangani impak kejatuhan nilai Ringgit yang semakin merudum sehingga mencecah paras RM4.73 berbanding dolar AS serta implikasinya secara menyeluruh termasuk golongan M40 yang sebahagiannya mungkin tidak akan menerima bahan api bersubsidi susulan pengenalan sistem subsidi bersasar.
3. PR-1523-MQT2360
Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gopari Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan memberi fokus dan penumpuan serta dana yang mencukupi untuk memesatkan pembangunan dan ekonomi Sabah dan Sarawak dan merealisasi potensi-potensi dan sumber-sumber mereka seperti meningkatkan perdagangan merentasi sempadan (*cross border trade*) lebih-lebih lagi untuk Sabah dengan pemindahan ibu negara Indonesia, Nusantara ke Kalimantan Timur memandangkan kemunduran pembangunan dan kekurangan dana, fokus dan penumpuan menjadi antara penghalang utama kepada peningkatan pesat ekonomi Sabah dan Sarawak.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 10 OKTOBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 50

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1523-L22688
Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kementerian akan memberikan kelulusan naik taraf pembinaan jalan dari Kg Sinurai ke Kg Karagasan iaitu sambungan kepada pembinaan jalan dari Kg Tarawas ke Kg Kaingaran yang sedang berjalan sekarang.

2. PR-1523-L21956
Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk meneliti dan mengkaji semula syarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT) bagi golongan Orang Kurang Upaya termasuk jurusan undang-undang dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk menjamin akses pendidikan tanpa sebarang diskriminasi seperti yang termaktub dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008.

3. PR-1523-L21422

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status pelaksanaan sistem e-Wages buat masa ini yang telah ditangguhkan untuk diperhalusi dan dibincangkan dengan lebih lanjut antara KSM, KDN dan MoF seperti yang diarahkan oleh Jemaah Menteri. Adakah KSM telah memperolehi keputusan dan sekiranya masih lagi dalam perbincangan apakah mekanisme yang diguna pakai KSM bagi membolehkan memantau dan menguatkuasakan pembayaran gaji pekerja bermula dengan pekerja asing dan kemudiannya diperluaskan kepada semua pekerja.

4. PR-1523-L22151

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menggunakan kaedah baru bagi mengatasi masalah berkaitan pengukuhan ban Pantai Barat Semenanjung yang menghadapi masalah hampir setiap tahun berlaku ban rebak khususnya di Daerah Kuala Langat.

5. PR-1523-L21555

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membina lebih banyak lagi pusat-pusat pendidikan teknik dan vokasional khusus untuk para pelajar OKU selepas mereka tamat di peringkat sekolah menengah.

6. PR-1523-L21996

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah proaktif pihak Kementerian dalam meningkatkan penempatan pekerjaan bagi rakyat Malaysia sepanjang tahun bermula Januari sehingga September 2023.

7. PR-1523-L21363

Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah bantuan yang diberikan kepada petani, penternak dan pesawah di kawasan pedalaman Sarawak.

8. PR-1523-L21740

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan jangka panjang dalam membangunkan tempat-tempat tertentu yang strategik dari segi pelancongan terutama di pantai timur khususnya di negeri Pahang Darul Makmur.

9. PR-1523-L21183
Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam mendepani situasi ekonomi yang tidak menentu di peringkat global khususnya risiko daripada pertumbuhan ekonomi China yang perlahan serta apakah dasar yang kini direncana bagi mengawal impak kemelesetan ekonomi di peringkat global tersebut.
10. PR-1523-L22447
Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kemajuan yang telah dicapai serta tindakan yang telah dibuat bagi menggalakkan dan mempertingkatkan pengeluaran kopi negara di mana dalam RMK12 sebanyak RM4.5 juta telah diperuntukan untuk industri tanaman kopi.
11. PR-1523-L21548
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kelebihan yang akan diperoleh negara dengan kelonggaran dasar perdagangan Tenaga Boleh Baharu rentas sempadan.
12. PR-1523-L22538
Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bersedia menstrukturkan semula sistem pengajian diploma dan ijazah TVET supaya selaras dengan keperluan industri.
13. PR-1523-L21434
Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan secara terperinci bagaimanakah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) boleh mencipta 23,000 peluang pekerjaan bernilai tinggi dan bagaimanakah anak muda termasuk belia luar bandar boleh mendapat manfaat menceburi peluang pekerjaan tersebut.
14. PR-1523-L21984
Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian membenarkan debat politik diadakan di kampus-kampus IPTA bagi membolehkan para mahasiswa berpandangan terbuka dengan mengikuti isu-isu dan polemik politik negara.

15. PR-1523-L21312
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sepuluh jumlah pelaburan langsung asing tertinggi yang telah diluluskan pada tahun 2023 dan lokasinya. Apakah sasaran jumlah pelaburan bagi tahun 2023.
16. PR-1523-L22408
Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah ada perancangan Kerajaan untuk menambah elaun sara hidup para nelayan ketika berdepan dengan musim tengkujuh, para petani dan pekebun apabila berdepan dengan musim banjir. Ketika itu mereka akan kehilangan sumber pendapatan harian malahan pendapatan bulanan mereka juga masih berada di bawah paras miskin dan miskin tegar.
17. PR-1523-L21213
Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan terkini penubuhan *Renewable Energy Exchange* pada tahun 2024.
18. PR-1523-L22163
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan hala tuju, objektif dan kesan dasar 'selesaikan hutang sebelum pengajian' yang dilihat boleh menjejaskan penuntut daripada golongan B40 untuk meneruskan pengajian.
19. PR-1523-L22482
Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan bagi memperbaiki kadar pengangguran belia terutamanya di negeri Sabah serta apakah pendekatan holistik Kementerian dalam meningkatkan kebolehpasaran belia di Sabah.
20. PR-1523-L21763
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah bekalan beras Super Spesial Tempatan (SST) bagi kampil 5kg dan 10kg di rangkaian kedai runcit mahupun pasar raya premium di Lembah Klang gagal dan sangat sukar diperolehi.

21. PR-1523-L21220
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menggembleng usaha menangani ketidakcukupan bekalan makanan untuk rakyat.
22. PR-1523-L22612
Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha untuk membantu para pesawah yang terbeban dengan kenaikan kos input pertanian baja dan racun sehingga menjejaskan sumber pendapatan mereka.
23. PR-1523-L21440
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE) Sime Darby yang telah menyerahkan tanah seluas 4 hektar Ladang Elphil untuk membina 100 unit rumah teras dua tingkat berharga kurang RM150,000 untuk pekerja-pekerja ladang tersebut.
24. PR-1523-L22212
Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah Kementerian dalam menangani isu kenaikan harga gas yang turut terkesan akibat kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa yang mana keadaan ini telah menjejaskan operasi dan kewangan para pemain industri yang bergantung kepada gas sebagai sumber tenaga.
25. PR-1523-L21272
Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan keluasan tanah padi sawah dan padi huma di Sarawak dan perancangan Kementerian dalam membantu Kerajaan Sarawak untuk meningkatkan tahap sara diri beras (SSL) di Sarawak sehingga ke 100%.
26. PR-1523-L22041
Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :
- (a) berapakah *stock pile* (stok simpanan) beras Malaysia sekarang ini dan adakah ia mencukupi untuk mengharungi sebarang krisis; dan
 - (b) adakah simpanan stok ini mengambil kira juga keperluan pekerja asing termasuk yang tidak sah.

27. PR-1523-L21368
Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah proaktif Kementerian dalam menangani ketidakpadanan pekerjaan yang sangat ketara membabitkan graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).
28. PR-1523-L22477
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana ketegasan Kerajaan dalam membendung budaya hedonisme yang semakin menular dalam kalangan pelajar universiti di IPT.
29. PR-1523-L21655
Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan daripada pihak Kerajaan untuk menyemak semula takrifan Miskin Tegar dan Miskin supaya penyaluran bantuan dapat diberikan kepada mereka yang benar-benar layak.
30. PR-1523-L22208
Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pendekatan yang sedang dan akan diambil Kerajaan bagi meningkatkan eksport mengambil kira trend semasa yang menunjukkan penurunan eksport negara.
31. PR-1523-L21266
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah Projek Pembinaan ILP Serian dijangka siap, mula beroperasi dan kursus-kursus yang ditawarkan.
32. PR-1523-L22295
Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status Pusat Kecemerlangan RISDA yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri di Padang Terap pada September 2022.
33. PR-1523-L21336
Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah terdapat peruntukan untuk membina benteng hakisan ombak untuk melindungi kawasan pantai yang terhakis di Parlimen Tanjong Manis.

34. PR-1523-L21869

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) jumlah bilangan petani yang memiliki sijil MyGAP di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak; dan
- (b) usaha yang dipergiatkan oleh Kementerian dalam meningkatkan pengeluaran beras MyGAP di seluruh negara.

35. PR-1523-L21839

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :

- (a) adakah Jabatan Alam Sekitar telah meluluskan laporan EIA untuk projek terminal pelayaran Melaka Gateway oleh Syarikat KAJ Sdn Bhd memandangkan ia melibatkan penambahan laut; dan
- (b) adakah ini bercanggah atau berlebihan (*redundant*) memandangkan Jabatan Alam Sekitar telah meluluskan laporan EIA untuk projek terminal pelayaran di kawasan berhampiran oleh Syarikat Far East Sdn Bhd.

36. PR-1523-L21866

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh mana justifikasi Dasar Mineral Negara yang dirangka bergerak selari dengan Dasar Perhutanan Negara dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan bagi memelihara alam sekitar, hidupan liar dan Orang Asli.

37. PR-1523-L21234

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bolehkah Kerajaan meluluskan dengan serta merta permohonan oleh rumah berhala dan kuil-kuil Hindu termasuk rumah berhala dan kuil-kuil di bawah Lembaga Wakaf Hindu (Penang Hindu Endowments Board) untuk memperolehi pemuzik tradisi untuk memainkan alat muzik tradisi semasa upacara sembahyang.

38. PR-1523-L21277

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) sejauh manakah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang dilaksanakan pada tahun ini dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan rakyat golongan B40; dan

- (b) berapa jumlah penerima projek dan jumlah dana yang telah diluluskan bagi Sarawak pada tahun ini.
39. PR-1523-L21413
Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah subsidi beras tempatan bagi tahun ini dan adakah Kementerian bercadang menguatkuasakan larangan jualan beras putih tempatan kepada warga asing.
40. PR-1523-L22678
Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status projek NCE atau *North Corridor Highway* dari Bandar Baharu, Kedah ke utara Kedah melalui kawasan timur negeri Kedah. Projek ini dimaklumkan telah diluluskan pada tahun 2019.
41. PR-1523-L21789
Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan kemasukan pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia ke universiti awam berdasarkan pecahan universiti dan kaum (iaitu Melayu, Cina, India, Bumiputera bukan Melayu Semenanjung, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan lain-lain) dari tahun 2019 hingga 2023, termasuk sesi akademik 2023/2024.
42. PR-1523-L22563
Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah yang sedang dirancang bagi memperkasakan usahawan desa khusus dalam Parlimen Pokok Sena.
43. PR-1523-L21298
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibul] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah kenaikan harga beras import negara juga ada berkaitan dengan monopoli BERNAS. Sebab kekurangan persaingan. Bilakah Kementerian akan menghapuskan monopoli BERNAS dan membenarkan lebih banyak pengimport beras di negara kita.

44. PR-1523-L22031
Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini bagi permohonan pembinaan jambatan baharu merentasi Sungai Galas, di Kampung Batu 6, Gua Musang. Sebagaimana diketahui, KESEDAR adalah agensi pelaksana bagi projek pembinaan tersebut.
45. PR-1523-L21188
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan selain memberi subsidi bagi mengimbangi kuasa membeli dan harga pasaran, apakah rancangan Kementerian bagi memastikan ekonomi berkembang dengan baik tanpa melibatkan perbelanjaan Kerajaan dalam subsidi dan mengekalkan kuasa membeli rakyat.
46. PR-1523-L21954
Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan unjuran, data dan statistik sebenar sumber manusia, bakat dan kepakaran dalam pelbagai bidang untuk pembangunan negara bagi tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang dan apakah jenis, bidang dan kumpulan pekerjaan serta kelayakan minimumnya.
47. PR-1523-L22512
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimana pelaksanaan projek kelestarian pertanian di bandar (*urban farming sustainability*) dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkatkan *self-sustainability farming* di bandar.
48. PR-1523-L21705
Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah penyelesaian segera dan berkesan Kerajaan untuk mengatasi isu keterjaminan makanan yang semakin meruncing bagi tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang.
49. PR-1523-L22078
Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk melaksanakan program latihan dan pembangunan kemahiran bagi mengupayakan sosioekonomi berasaskan maritim dan hasil laut di Pulau Sebatik.

50. PR-1523-L21335

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah ada perancangan untuk menaik taraf jalan utama dari Sibu ke Tanjong Manis sebagai jalan protokol kerana jalan ini merupakan penghubung penting ke Pelabuhan Tanjong Manis.

51. PR-1523-L21112

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah graduan latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada tahun 2021 dan 2022. Berapa jumlah daripada graduan TVET ini yang telah mendapat pekerjaan dalam industri-industri yang beroperasi di Malaysia.

52. PR-1523-L21524

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimana Kementerian boleh mengatasi kebimbangan rakyat mengenai kekurangan beras tempatan yang amat ketara di pasaran sekarang dan apakah inisiatif Kementerian bagi memastikan kita tidak bergantung kepada beras import.

53. PR-1523-L21819

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan rancangan Kementerian memastikan bekalan beras putih tempatan yang mencukupi khususnya pengedaran bekalan di kawasan luar bandar seperti di Kudat, Pulau Banggi dan Pitas.

54. PR-1523-L21437

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah intervensi Kementerian bagi meningkatkan bekalan beras putih tempatan di pasaran untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang dan apakah tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan bagi tujuan memastikan bekalan beras mencukupi berdasarkan Akta Kawalan Padi Dan Beras 1994.

55. PR-1523-L21488

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan dengan lebih terperinci mekanisme yang membenarkan isi rumah untuk mendapatkan pendapatan dengan menyewakan bumbung untuk pemasangan panel solar. Berapakah projek telah berjaya dijalan setakat ini.

56. PR-1523-L21157

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan reformasi ekonomi struktur yang penting dan diperlukan yang perlu dilaksanakan segera untuk memperkukuhkan asas ekonomi negara termasuk nilai Ringgit.

57. PR-1523-L21485

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan penjelasan Kerajaan tentang masalah dan impak hasil daripada kadar pengangguran yang tinggi terutamanya bagi golongan muda yang baru tamat pengajian tinggi serta langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kehilangan tenaga separa dan sepenuh berkemahiran serta menaikkan daya persaingan tenaga manusia.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**
 - * Rang Undang-Undang Perbekalan 2024.

2. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup**
 - * Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|---|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 30/2023) | Rang Undang-Undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2023. | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 2. | (D.R. 28/2023) | Rang Undang-Undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023. | “ |
| | | [Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] | |
| 3. | (D.R. 29/2023) | Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023. | “ |
| | | [Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] | |
| 4. | (D.R. 27/2023) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Pindaan) 2023. | “ |
| | | [Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] | |
| 5. | (D.R. 32/2023) | Rang Undang-Undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2023. | “ |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 6. | (D.R. 34/2023) | Rang Undang-Undang Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023. | “ |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 7. | Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan : | | |

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR. 9 Tahun 2023 hendaklah diterima dan dipersetujukan.”

8. (D.R. 25/2023) Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 – **Bacaan Kali Yang Kedua**

Dan;

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor akan mencadangkan :

“BAHAWA Penyata yang disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan untuk mengkaji Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas DR. 8 Tahun 2023 diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60”.

9. (D.R. 26/2023) Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kesihatan]

10. PR-1523-U(27)278
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menangani isu gangguan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang kian meruncing susulan tindakan India menghentikan eksport beras putihnya ke pasaran.

Langkah penetapan had pembelian maksimum 100kg BPT untuk setiap individu dan syarikat bermula 7 September 2023 hanyalah penyelesaian yang bersifat sementara dan Kerajaan seharusnya mula merangka satu pelan yang lebih tuntas dalam usaha menjamin keterjaminan bekalan beras di Malaysia bagi jangka masa yang panjang.

Kerajaan perlu segera mewujudkan rangka tindakan yang lebih komprehensif bagi mengurangkan impak inflasi makanan global dari terus menghimpit rakyat negara ini khususnya berkaitan beras yang menjadi makanan ruji kita semua."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

11. PR-1523-U(27)279

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan."

[Menteri Dalam Negeri]

12. PR-1523-U(27)280

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah-buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasarkan serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan.

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

13. PR-1523-U(27)281

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan Jumlah Kadar Kesuburan (Total Fertility Rate) bagi rakyat Malaysia terus meningkat.

Negara kita telah beralih ke status negara menua pada tahun 2021. Hal ini kerana peratusan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas telah mencapai 7% daripada jumlah populasi. Trend ini menunjukkan peningkatan dalam dua tahun lalu pada kadar 0.2 peratus setahun di mana pada tahun 2022 sebanyak 7.2% dan dijangka pada tahun 2023 mencapai 7.4%.

Dalam tempoh dua dekad lagi, negara dijangka beralih kepada negara tua apabila kohort umur yang sama mencapai 14% daripada jumlah populasi. Peralihan ini tentunya memberikan kesan yang paling ketara iaitu kepada penurunan trend populasi pekerja dan produktiviti. Bagi menghadapi cabaran dan dampak negara menua, kita perlu mencari jalan memperlahankan proses penuaan ini. Proses penuaan ini tidak boleh dihalang atau diberhentikan tetapi kita perlu mempunyai pelan persediaan bagi menghadapi situasi tersebut.

Jika kita teliti jumlah peratusan struktur umur penduduk yang berumur 0-14 tahun berlaku penurunan pada kadar 0.4% bagi 3 tahun iaitu ; tahun 2020 sebanyak 24%, 2021 sebanyak 23.6%, 2022 sebanyak 23.2%, dan 2023 sebanyak 22.6%.

Umum mengetahui negara-negara jiran dan serantau juga menghadapi perkara penurunan bagi jumlah kadar kesuburan, tetapi kadar tersebut agak perlahan penurunannya. Sehubungan itu, objektif kita agar dapat melandaikan graf penurunan ini bagi negara kita.

Persoalan saya, apakah kemampuan hospital Kerajaan dalam meningkatkan kemampuan kesihatan reproduktif. Berapa jumlah Hospital yang menyediakan perkhidmatan IUI dan IVF. Berapa ramai doktor pakar reproduktif masih berkhidmat di hospital Kerajaan. Adakah harga perkhidmatan yang dikenakan mampu diakses oleh rakyat. Berapa jumlah makmal reproduktif.

Dewan Rakyat juga perlu mencadangkan agar Kerajaan menetapkan polisi yang mampan seperti fleksibel waktu bekerja, yuran pusat penjagaan kanak yang mampu bayar, perbanyakkan pusat asuhan ditempat kerja, dan *paternity leave* kepada ibu bapa yang bekerja untuk meringankan bebanan mereka dalam meningkatkan kadar reproduktif rakyat Malaysia. *Population Complexity* ini yang harus kita uruskan dengan penuh keberanian dan semua pihak kena bersama-sama."

[Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]

14. PR-1523-U(27)283

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah Kertas Putih Imigresen yang membincangkan tentang kadar atau jumlah sebenar kemasukan pelawat asing ke negara Malaysia.

Perkara ini bertujuan untuk mengetahui pergerakan pelawat asing berkenaan sama ada mereka terus tinggal di Malaysia atau dalam satu tempoh tertentu. Menerusi ini kita akan mengetahui jumlah sebenar populasi rakyat di negara ini melalui pengenalan perbezaan antara jumlah Warganegara Malaysia, Jumlah Pelawat Asing yang masuk ke negara kita sebagai pekerja ataupun dengan tujuan melancong.

Hal ini, akan memudahkan Kerajaan untuk merangka dan melaksanakan pelbagai pelan inisiatif mahupun bantuan seperti subsidi bersasar dan lain-lain agar setiap pelaksanaan tersebut dinikmati oleh rakyat di negara kita."

[Menteri Dalam Negeri]

15. PR-1523-U(27)286

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menerima hakikat bahawa lebih 100,000 calon peperiksaan SPM pada tahun 2022 telah gagal dalam mata pelajaran dan sekaligus gagal mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menerima hakikat juga bahawa kegagalan dalam peperiksaan SPM ini mengakibatkan masa depan yang gelap kepada calon pada purata 70 ribu hingga 100 ribu setahun.

Menerima hakikat bahawa pelajar tercicir ini tidak ada lagi ruang untuk melanjutkan pelajaran maka segolongan pelajar tercicir ini akan menjadi kerugian dalam sumber tenaga kerja negara.

Dan menerima hakikat bahawa matlamat mendidik sebuah generasi pelajar untuk membina dan membangun negara kita telah gagal maka Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang serius terhadap masalah ini.

Maka dengan itu Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar silibus dan buku-buku teks Subjek Sejarah Tingkatan Satu, Dua, Tiga, Empat dan Tingkatan Lima hendaklah dikaji semula dan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen hendaklah ditubuhkan untuk mendapat pandangan daripada setiap lapisan masyarakat daripada seluruh pelusuk negara, dan pada masa yang sama Jemaah Kabinet hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Kajian Semula Silibus dan Buku Teks Sejarah yang dianggotai oleh Menteri-Menteri yang mewakili Sabah, Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu dan parti-parti politik yang menubuhkan Kerajaan Perpaduan."

[Menteri Pendidikan]

16. PR-1523-U(27)287

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuan] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini Menerima hakikat bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang ditubuhkan oleh Kerajaan suatu ketika dahulu telah berjaya membuat siasatan dan seterusnya telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini.

Dan menerima hakikat bahawa setelah sekian lama laporan tersebut telah gagal dilaksanakan dan mengakibatkan ketidakpuasan hati sebahagian besar daripada rakyat Malaysia.

Menerima hakikat juga bahawa rakyat tertanya-tanya apakah yang telah terjadi dengan laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja tersebut.

Dan menerima hakikat bahawa kecelaruan urus tadbir Pendatang Tanpa Izin; Penduduk Asing di Sabah yang mempunyai Kad Pengenalan yang meragukan; Peningkatan Bilangan penduduk di Sabah Tanpa Kewarganegaraan ataupun *stateless children* dan kehadiran orang asing yang memegang dokumen IMM13 yang tidak ada halatuju.

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk meneliti dan mengkaji semula rekomendasi dan perakuan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin untuk merumuskan suatu Road Map penyelesaian tuntas terhadap masalah oleh empat kategori penduduk golongan pendatang asing di Sabah."

[Menteri Dalam Negeri]

17. PR-1523-U(27)290

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi. Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini. Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 dan M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan. Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1523-U(27)291

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani serta menghentikan kes jenayah dera kanak-kanak di negara ini. Menteri Dalam Negeri pada 14 Mac 2023 melaporkan bahawa terdapat 220 kes kanak-kanak mati akibat penderaan antara tahun 2018 hingga 2022. Data Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antara Januari hingga Jun 2022 juga mendedahkan terdapat 1,055 kes penderaan kanak-kanak di negara ini. Kanak-kanak adalah masa depan negara. Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah pro-aktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala, meneliti semula undang-undang serta garis panduan berkenaan penjagaan kanak-kanak, meningkatkan kesedaran masyarakat, dan lain-lain."

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1523-U(27)292

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang lebih pro-aktif dan efisien bagi meningkatkan kesedaran, tindak balas, dan kerjasama masyarakat dalam menghadapi bencana alam. Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara pada akhir tahun ini serta pembangunan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh (SAATR). Inisiatif ini akan dapat meningkatkan kecekapan tindak balas bencana agensi-agensi berkaitan. Bagaimana pula dengan tindak balas masyarakat.

Apa yang telah dan sedang Kerajaan usahakan bagi memastikan rakyat bukan sahaja peka tetapi takut dan patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Kerajaan perlu menguatkuasakan Akta Pertahanan Awam 1951, Akta 221 bawah seksyen 4 (C) di mana tindakan boleh diambil ke atas mereka yang tidak patuh kepada arahan pihak berkuasa contohnya arahan untuk berpindah dalam situasi banjir yang boleh membahayakan penduduk dan pada masa yang sama memberi risiko kepada penyelamat."

[Perdana Menteri]

20. PR-1523-U(27)293

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

21. PR-1523-U(27)294

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

22. PR-1523-U(27)295

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

23. PR-1523-U(27)296

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas

perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barangan termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Perdana Menteri]

24. PR-1523-U(27)297

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMK-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan Negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan Negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu. Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

[Menteri Ekonomi]

25. PR-1523-U(27)298

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar '*rebranding*' daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Perdana Menteri]

26. PR-1523-U(27)299

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

27. PR-1523-U(27)300

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

28. PR-1523-U(27)301

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidaklangsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

29. PR-1523-U(27)302

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

30. PR-1523-U(27)303

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak '*pro*' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada '*pro*' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

[Menteri Komunikasi dan Digital]

31. PR-1523-U(27)304

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

32. PR-1523-U(27)305

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan keluar dan masuk sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu. Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya. Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu. Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya '*Free Flow*' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

[Menteri Dalam Negeri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
DR. 9	Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	10 Oktober 2023
CMD. 36	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022	10 Oktober 2023
CMD. 37	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2021	10 Oktober 2023
CMD. 38	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Johor Tahun 2022	10 Oktober 2023
CMD. 39	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Tahun 2022	10 Oktober 2023
CMD. 40	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kelantan Tahun 2022	10 Oktober 2023
CMD. 41	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Melaka Tahun 2022	10 Oktober 2023
CMD. 42	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri, Negeri Sembilan Tahun 2022	10 Oktober 2023

<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD. 43	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Pahang Tahun 2022	10 Oktober 2023
CMD. 44	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2022	10 Oktober 2023
CMD. 45	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Perlis Tahun 2022	10 Oktober 2023
CMD. 46	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2022	10 Oktober 2023
CMD. 47	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Kementerian/Agensi Negeri Sabah Tahun 2022	10 Oktober 2023
CMD. 48	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Sarawak Tahun 2022	10 Oktober 2023
CMD. 49	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2022	10 Oktober 2023
CMD. 50	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2022	10 Oktober 2023
ST. 180	Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2022	10 Oktober 2023

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 10.10.2023 (Selasa)	1. YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)	1. Tindakan agar Jambatan Sungai Damit dapat Digunakan Sepenuhnya	1. YB Menteri Ekonomi
2. 10.10.2023 (Selasa)	2. YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)	2. Status Terkini Operasi Kolej Komuniti Tuaran, Sabah	2. YB Menteri Pendidikan Tinggi
3. 10.10.2023 (Selasa)	3. YB Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir (Setiu)	3. Kerosakan Fasiliti dan Isu Tenaga Pengajar di Sekolah Sukan Bukit Nenas, Setiu	3. YB Menteri Pendidikan
4. 10.10.2023 (Selasa)	4. YB Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir (Setiu)	4. Cadangan Membina Jeti Awam Baharu di Pulau Redang	4. YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**